



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SIRI 12/2024

KHUTBAH SCAM DALAM UMRAH DAN HAJI

06 DISEMBER 2024 / 04 JAMADIL AKHIR 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّهِ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah 'Azza wa Jalla,

Ibadah haji dan umrah diwajibkan ke atas umat Islam yang mampu. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah al-Baqarah ayat 196:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ

Yang bermaksud: *“Dan sempurnakanlah ibadah Haji dan Umrah kerana Allah...”*

Bersempena dengan musim cuti sekolah ini, ramai rakyat Malaysia yang menggunakan peluang untuk menunaikan ibadat umrah. Jemaah umrah sebenarnya menyahut seruan Allah Taala untuk bertandang ke tanah suci Makkah, seperti firman-Nya dalam Surah al-Haj ayat 27:

وَأَذِّنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَى كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ

Yang bermaksud: *"Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadat Haji, nescaya mereka akan datang ke (rumah Tuhan) mu dengan berjalan kaki, dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus yang datangnya dari berbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Namun demikian, agak menyedihkan apabila saban tahun kita mendengar berita mengenai penipuan (scam) dalam umrah dan haji. Menurut rekod Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) yang bertanggungjawab mengawal lesen pengendali umrah, pada tahun 2022, terdapat tuntutan berjumlah RM3.7 juta daripada kes berkaitan scam umrah (penipuan umrah), dan pada tahun 2023 pula jumlahnya meningkat kepada RM9 juta.

Penipuan dalam pengurusan umrah boleh berlaku dalam beberapa keadaan. Antaranya ada syarikat yang mengutip wang pendahuluan untuk menunaikan umrah, tetapi hakikatnya mereka berniat menipu dan langsung tidak menguruskan jemaah ke tanah suci. Kebiasaannya syarikat ini tidak berdaftar dengan pihak berkuasa, atau boleh jadi juga menumpang nama syarikat yang berdaftar.

Ada juga syarikat yang tidak mempunyai sistem pengurusan perniagaan yang baik, kemampuan kewangan yang lemah dan tiada pelan kecemasan dalam pengurusan umrah dan haji. Akhirnya, apabila berlaku keadaan di luar jangka, seperti pembatalan hotel, peningkatan harga luar jangka, maka syarikat terpaksa menggunakan wang jemaah kumpulan lain, atau yang paling menyedihkan, lari atau mendiamkan diri dan membatalkan rombongan.

Penipuan juga boleh berlaku dalam ibadah haji. Terdapat syarikat yang tidak mendapat lesen daripada Tabung Haji sebagai Pengelola Jemaah Haji (PJH). Mereka beria-ia memberi keyakinan bahawa syarikat boleh mendapatkan visa haji atau boleh membawa jemaah menunaikan haji dengan menggunakan visa furada atau visa pelancong. Akibatnya, segelintir jemaah yang terkandas di lapangan terbang atau ditangkap oleh pihak berkuasa Arab Saudi kerana tidak mempunyai visa menunaikan haji. Kegagalan ini menyebabkan kerugian jutaan ringgit kepada para jemaah.

Ingatlah syarat kemampuan menunaikan haji bukan semata-mata pada kemampuan wang ringgit, sebaliknya ia merangkumi untuk mendapatkan visa atau permit untuk menunaikan haji. Oleh itu, janganlah kita terburu-buru bertindak menerima tawaran yang belum pasti dan memberi ruang kepada pihak yang tidak bertanggungjawab untuk menipu kita.

Sidang Jumaat sekalian,

Ada juga penipuan berlaku dalam badal haji dengan meletakkan jumlah bayaran yang tidak munasabah. Kos permit haji bagi orang tempatan sama ada pelajar, pekerja ataupun penduduk saudi, yang bernilai tidak kurang daripada 3,000 Riyal dan jumlah yang terhad menjadikan bayaran yang murah adalah meragukan.

Lebih menghairankan, ada syarikat yang boleh menawarkan ratusan bahkan ribuan kekosongan badal haji, sedangkan hakikatnya setiap individu boleh membuat badal haji untuk seorang sahaja. Ingatlah amaran Nabi Muhammad Nabi Sallallahu ‘Alaihi Wasallam ke atas golongan penipu, antaranya dalam hadis riwayat Imam Muslim:

وَمَنْ غَشَّانَا فَلَيْسَ مِنَّا

Yang bermaksud: *“dan siapa yang menipu kami, bukan daripada golongan kami”*

Selain itu, umat Islam juga dinasihatkan berhati-hati dengan skim bayar dam dan derma di tanah suci. Selain daripada dam yang wajib dibayar, tidak dinafikan kelebihan berinfak di Makkah dan Madinah, tetapi terlalu banyak laporan penipuan yang dilakukan termasuklah juga oleh segelintir pengengaruh di media sosial.

Sidang Jumaat yang dikasihi

Suka khatib menggariskan beberapa panduan apabila ingin menunaikan ibadah haji dan umrah:

1. Menggunakan khidmat syarikat yang berwibawa dan diiktiraf serta mempunyai prestasi yang menyakinkan. Elakkan terperangkap dalam penipuan ibadah haji yang berulang setiap tahun, dengan memastikan kita hanya menggunakan perkhidmatan Tabung Haji atau syarikat Pengelola Jemaah Haji yang berlesen sahaja.

2. Elakkan terperangkap dengan tawaran yang terlalu murah dan tidak masuk akal.
3. Memastikan bayaran dikutip tidak terlalu awal dan mendapatkan resit bagi bayaran tersebut.
4. Umrah yang diuruskan secara persendirian (D.I.Y) boleh dilaksanakan dengan memastikan semua rukun dan wajib umrah diketahui dan boleh dilaksanakan dengan panduan guru pembimbing.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Antara tugas yang berbentuk Fardhu Kifayah adalah menunaikan haji dan umrah. Justeru syarikat pengendali haji dan umrah memainkan peranan yang besar dalam melaksanakan tuntutan ini. Oleh itu, syarikat pengendali hendaklah mempunyai pengurusan yang baik, modal yang cukup serta pengalaman yang luas bagi melaksanakan tanggungjawab ini. Kenalpastilah kemampuan syarikat masing-masing dalam mengendalikan amanah ini. Berhati-hati supaya jemaah tidak terania dan tidak dizalimi. Ingatlah peringatan daripada Allah Ta'ala surah an-Nisa ayat 29 yang bermaksud: *Wahai orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Ta'ala

Sebagai penutup, dalam kesungguhan kita menunaikan haji dan umrah, ikutilah langkah-langkah yang telah dinyatakan bagi mengelakkan kita menjadi mangsa penipuan. Demikian juga syarikat pengendali haji dan umrah mesti bersungguh-sungguh melaksanakan amanah mereka. Semoga kita semua dipermudahkan dalam melaksanakan haji dan umrah serta mendapat haji dan umrah yang mabrur.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ

الْعَالَمِينَ ﴿٩٧﴾

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.